

# Cagamas terbit kertas komersial Islam berjumlah RM500 juta

**KUALA LUMPUR 26 Sept.** - Perbadanan gadai janji negara, Cagamas Bhd. mengumumkan penerbitan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan berjumlah RM500 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, ICP berkenaan akan diterbitkan di bawah struktur Murabahah Komoditi Islam dan hasilnya akan digunakan untuk

pembelian pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

Katanya, penerbitan ICP syarikat telah meningkatkan penawaran sukuk korporat jangka pendek sukuk terkumpul di pasaran domestik sebanyak 16 peratus pada masa pengurangan penawaran kertas kerajaan jangka pendek.

"Penerbitan ICP mendapat

sambutan yang amat menggalakkan dan telah berjaya mendapatkan nisbah bida yang diperoleh syarikat dengan bidaan yang diterima lebih tiga kali.

"Ini kerana ia menawarkan pilihan pelaburan tambahan kepada pelabur sukuk jangka pendek," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

ICP telah ditetapkan harga

secara kompetitif terhadap tiga bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), dengan tempahan diterima daripada kumpulan pelbagai pelabur, termasuk institusi kewangan, syarikat insurans dan pengurus aset.

Penerbitan baharu itu akan menjadikan penerbitan agregat syarikat bagi tahun ini kepada

RM5.9 bilion.

ICP yang akan ditebus pada nilai nominal penuh pada tarikh matang, merupakan obligasi tidak bercagar syarikat, pada kedudukan setara antara mereka dan dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain syarikat itu.

Ia akan disenaraikan dan diniajukan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip.

